



PROFIL TAMAN

LOKASI : Leisure Farm Resort, Johor
NAMA PEMILIK : Shahrudin Attan & Siti Aisyah Jantan
JENIS KEDIAMAN : Banglo
KELUASAN TAMAN : 3000 kaki persegi
KONSEP TAMAN : Moden Tradisional
TEMPOH TAMAN : Tiga tahun

Lebih Kepuasan BINA SENDIRI

TRIAL & ERROR AKHIRNYA
BUAHKAN HASIL

Penulis : CHE ASMAR ZAKRI
Fotografi : MOHD JAZLAN NANGAR

Penghargaan: SUPERCOOL CREATIVE CULTURE SDN. BHD, NO 90,
JALAN BERTAM 5, TAMAN DAYA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR.
DERRICK 012-7552515/ ROYCE LOY 012-3123619

M

ereka bentuk taman untuk kediaman sendiri adalah suatu cabaran yang begitu menguji pemilik kediaman.

Bonusnya ialah pemilik sebenarnya lebih arif tentang apa yang dimahukan dan apakah keperluan penghuni kediaman dalam mengkordinasikan ruang taman. Proses reka bentuk ini biasanya bukan lah mengambil masa sehari dua tetapi melibatkan satu rentetan masa yang panjang serta memerlukan timbunan semangat dan kesabaran.

Kediaman yang ditonjolkan LAMAN pada kali ini, juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana mendapat sentuhan peribadi pemilik. Bermula daripada reka bentuk elemen kejur dan pemilihan *soft landscape* segala-galanya dilakukan sendiri, manakala untuk struktur *roofing* pula adalah dari sentuhan Supercool Creative Culture yang mempunyai cawangan di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Seremban. Bagi pemilik kefahaman tentang ruang landskap di kediamannya banyak membantu dalam menjelmakan sebuah taman dinamik serta mempunyai *connecting space* di antara ruang dalam dan luar.

Kehadiran team LAMAN menjengah kediaman Shaharuddin dan Siti Aisya disambut mesra oleh pemilik kediaman. Peluang meneroka setiap inci taman tidak di siakan sebaliknya penulis begitu teruja melihat satu lagi rekaan taman yang tampil unik melalui reka bentuk *decking* hasil 'diy' pemilik.

Menurut pemilik "Jika dilihat secara keseluruhan taman saya ini ringkas sahaja kerana kami sekeluarga lebih gemarkan ia nampak lapang dan menghijau.






Kolam renang untuk cucu pemilik bermain dan mandi-manda.

Kelebihan unit kediaman yang terletak di *corner lot* memungkinkan kami memiliki tanah lebih luas untuk aktiviti keluarga dan sebagainya. Malah anak-anak kami juga gemar menghabiskan masa di halaman rumah”, tambah pemilik membuka bicara sambil ditemani oleh isterinya pada pagi itu.

Kehadiran *decking* yang bersambung dengan kolam renang berukuran 5 meter x 4 meter begitu menarik perhatian penulis. Ini kerana kebiasaannya *decking* tampil hasil sentuhan kontraktor tetapi yang terdapat di kediaman pemilik amat berlainan sekali kerana ia dibina sendiri oleh pemilik tanpa bantuan sesiapa.

Menurut pemilik “Untuk struktur bumbung, keseluruhannya adalah hasil sentuhan Supercool Creative Culture Sdn Bhd, saya mengenali kontraktor ini yang mempunyai kepakaran dalam struktur kayu melalui carian di internet. Setelah Supercool selesai melakukan kerjanya dengan baik, barulah idea untuk membina *decking* itu timbul kerana saya sememangnya minat dengan kerja-kerja diy. Walaupun mengambil masa yang lama untuk disiapkan, hasilnya begitu memuaskan hati saya. Tambahan pula masa terluang dapat diisi dengan baik”, tambah pemilik yang telah bersara dari dunia pekerjaan.



Kombinasi lantai kayu dan hamparan pavement kelihatan begitu harmoni. Paling menarik kedua-duanya dibina sendiri oleh pemilik.




Coleus blumei






Bagi melengkapkan penataan kawasan *decking*, pemilik telah membina *pavement* bersebelahan *decking* tersebut agar kelihatan menarik dan kemas. Paling menarik perhatian setiap susunan dan hamparan batu-batuan ini dilakukan secara berperingkat mengikut kemampuan pemilik. Simen dibancuh dan diturap sedikit demi sedikit sehingga selesai. Apabila penulis mengajukan soalan dari mana pemilik belajar melakukan kerja-kerja pembinaan ini, pemilik menyatakan ia adalah hasil pengalaman bekerja dahulu dalam sektor pembinaan. Jika dahulu ilmu adalah secara teori tetapi apabila di kediaman sendiri, pemilik berpeluang mempraktikkan semua ilmunya secara diy. Hasil ketekunan dan kesabaran maka taman yang mendapat sentuhan peribadi pemilik mempunyai nilai sentimental yang tinggi.



Di satu sudut kediaman, alatan bertukang tersusun kemas bagi memudahkan kerja-kerja diy pemilik.






“ Halaman luar yang di dominasi oleh elemen kayu dan air, mencipta suasana cukup menenangkan buat kami sekeluarga. Kolam bersebelahan *decking* ini yang pada asalnya adalah kolam hiasan telah saya tukarkan menjadi kolam renang kanak-kanak untuk cucu-cucu saya bermain. Kedalamannya hanya sekitar 1 kaki dalam. Kehadiran kolam bukan sahaja mewujudkan kitaran udara yang lebih segar sejuk tetapi turut menyumbang pada bunyi air yang sangat menenangkan”, tambah pemilik lagi.

Secara keseluruhannya konsep kediaman ini adalah bersifat terbuka yang menyumbang kepada kitaran udara yang baik. Andai berada di dalam rumah suasana terasa lapang dan nyaman. Paling menarik apabila kediaman pemilik ini terletak bersebelahan dengan *pocket park* yang begitu indah dengan kehadiran *natural pond*.

“Menghabiskan masa di kawasan laman antara ruang yang begitu saya gemari. Ini kerana kehadiran elemen air dan dalam masa yang sama saya boleh menikmati pemandangan hijau di taman melengkapkan suasana yang diingini oleh kami seisi keluarga. Selain itu material kayu menjadi pilihan kerana selain kelihatan natural, kayu begitu sesuai dengan konsep yang ingin saya tonjolkan iaitu moden tradisional,” ungkap pemilik lagi.




TIP MEMBINA SENDIRI TAMAN

1 Kenali taman anda

Jika anda baru sahaja membeli sebuah kediaman, hidup bersamanya sekurang-kurangnya selama setahun. Ini kerana pada tahun pertama, anda akan mula mengenal pasti tumbuhan dan belajar tentang persekitaran taman. Berjalan-jalan dan lihat taman anda dari sudut yang berbeza iaitu dari tingkap atas dan juga bawah. Ini akan menentukan pemandangan yang bagaimana anda inginkan apabila berada di dalam rumah. Buatlah nota di mana arah matahari naik dan jatuh kerana anda mungkin ingin melindungi pemandangan yang tidak diingini.

2 Fikirkan tentang apa yang anda mahukan daripada sebuah taman. Adakah ia bakal menjadi sebuah ruang yang menghiburkan bagi anak-anak anda, ruang menuai hasil sayur-sayuran atau pun ruang anda menjamu mata menikmati keindahan flora dan fauna. Rancang fungsi taman anda sebaiknya di atas sehelai kertas sebelum ia direalisasikan dalam bentuk nyata.

3 Adalah penting untuk mengetahui tentang jenis tanah anda. Laburkan sedikit wang untuk mengetahui sama ada tanah anda adalah asid, alkali atau neutral kerana tanah yang baik akan menentukan sama ada pokok yang ditanam subur atau pun tidak.



TAMAN HEBAT

“Saya begitu tenang dan gembira tinggal di sini. Setiap hari dikelilingi oleh kedamaian dan kehijauan alam seolah-olah menyihatkan emosi dalaman saya. Keputusan berpindah dan membeli kediaman ini empat tahun lalu membawa seribu kebaikan untuk saya suami isteri menghabiskan hari-hari kami. Anak-anak kami seramai tujuh orang apabila cuti akan pulang menjenguk kami dan menghabiskan masa melakukan pelbagai aktiviti di taman”, tambah pemilik lagi.


Pemilik juga menyatakan bahawa setiap kali ingin membina sebuah taman, faktor utama yang harus difikirkan oleh setiap pemilik adalah *maintenance*. Andai pemilik kediaman sibuk dengan tugas harian di pejabat dan jarang berada di rumah, kaedah selamat ialah pilihlah tumbuhan yang mudah dijaga. Malah tidak salah andai laman tampil seringkak mungkin. Sebaiknya taman adalah mengikut kemampuan dan gaya hidup kita sehari-hari. Kesilapan dalam perancangan awal kebiasaannya bakal mengundang kos tambahan buat pemilik suatu hari nanti.

Apa yang dilakukannya bagi memastikan persembahan cemerlang landskap terus konsisten, pembajaan, penyiraman dan penyelenggaraan dipastikan mengikut jadual. Bagi pemilik dia berpendapat pemilihan spesies tanaman haruslah selari dengan jadual harian pemilik taman. Jika masa tidak mengizinkan pemilik menghabiskan waktu yang panjang di taman maka reka bentuk taman secara sederhana sudah memadai



Storan untuk menyimpan alat barbeku dibina sendiri oleh pemilik.

PEMILIK JUGA MENYATAKAN BAHAWA SETIAP KALI INGIN MEMBINA SEBUAH TAMAN, FAKTOR UTAMA YANG HARUS DIFIKIRKAN OLEH SETIAP PEMILIK ADALAH MAINTENANCE.



Pocket park yang terletak bersebelahan dengan kediaman pemilik menjadi pelengkap suasana damai dan tenang.